

berhubung dengan hadith di mana ia menampakkan kepada kita betapa pentingnya pengetahuan ilmu yang berkaitan dengan hadith ini. Oleh yang demikian kita sebagai seorang muslim haruslah membajai golongan yang menghidupkan dan menjaga kesucian peninggalan Rasulullah s.a.w., yang menduduki tangga kedua selepas al-Quran. Betapa pentingnya hadith-hadith atau sunnah kerana ianya dapat memandu manusia menuju ke jalan kebenaran.

## BAB PERTAMA

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan.

Dalam Islam perkembangan dan pembelajaran ilmu amat penting kepada manusia bagi membantu pembentukan pembangunan pemikiran ke arah mencapai kejayaan. Islam membuka luas kepada setiap individu muslim mendalami dan menyebarkannya keseluruh pelosok alam. Apa yang penting dalam pengetahuan ilmu yang berkaitan dengan soal agama atau *dīn al-Islām* ialah pengetahuan berhubung dengan al-Quran dan *al-Hadīth*, di samping ilmu-ilmu lain yang tidak kurang pentingnya. Tanpa ilmu manusia akan sesat di bumi Allah SWT ini. Banyak ayat-ayat al-Quran yang menceritakan keadaan orang yang tidak berilmu dan balasannya di dunia mahupun di akhirat.

Firman Allah SWT dalam surah *al-Hajj* :

"وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُحَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا  
كِتَابٌ مُنِيرٌ. ثَانِيَ عَطْفَهِ لَيُضْلِلُ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُ فِي الدُّنْيَا  
خَرْجٌ وَنَذِيقَةٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَذَابٌ حَرِيقٌ"

Maksudnya:

*Dan di antara manusia ada yang membantah Allah SWT tanpa pengetahuan, tiada pula dengan pimpinan dan kitab yang memberikan penerangan. Membelakangi dengan sombongnya, kerana hendak menyesatkan (orang lain) dari jalan Allah. Dia mendapat kehinaan di dunia dan pada hari akhirat, nanti kami rasakan kepada mereka seksaan yang membakar.*

*Sūrah al-Hajj (22) : 8, 9.*

Pada kesempatan ini penulis ingin merealisasikan kepentingan hadith serta ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya. Salah satu ilmu yang tidak kurang pentingnya ialah ilmu *takhrij al-Hadith*. Ilmu ini amat penting dalam mengetahui darjat hadith sama ada *sahih*, *hasan*, *da'if* atau *mawdu'*. Perkataan hadith umumnya merujuk kepada sesuatu yang dikata, dilaku dan diperakui oleh Rasulullah s.a.w. khususnya selepas Baginda s.a.w. diangkat menjadi Nabi dan Rasul<sup>1</sup>. Hadith menurut ahli hadith ialah apa yang datangnya daripada Nabi Muhammad s.a.w. daripada perkataan, perbuatan, diam setujunya, sifat kejadian, akhlak dan sirahnya, termasuk juga apa yang disandarkan kepada sahabat atau tabiin<sup>2</sup>.

Tugas Rasulullah s.a.w. adalah sebagai penerang, penyampai dan penunjuk ke arah kebaikan kepada manusia seluruhnya. Dalam Islam, hadith merupakan hujah atau martabat yang kedua selepas al-Quran, segala hukum-hakam mestilah bersendikan al-Quran dan *al-Hadith*. Apabila Rasulullah s.a.w. menerima wahyu daripada Allah SWT, Baginda s.a.w. ditugaskan untuk menyampaikan segala petunjuk dan contoh tauladan yang baik kepada manusia serta menerangkan segala larangan yang ditegah oleh Allah SWT. Segala suruhanNya hendaklah dipatuhi dan segala laranganNya hendaklah ditinggalkan.

Ini berdasarkan firman Allah SWT:

<sup>1</sup> Lihat Syeikh Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī al-Dimasyqī (1993M), *Qawā'id al-Tahdīth*, Tahqīq : Muhammad Bahjah al-Baytārī, Beirūt : Dār al-Nafā'iis, cet 2, hal. 62.

<sup>2</sup> Dr. Nūr al-Dīn 'Itr (1992M), *Manhaj al-Naqd fī 'Ulūm al-Hadith*, Beirūt : Dār al-Fikr, cet 3, hal. 29. Lihat Dr. Māhir Mañṣūr 'Abd al-Razzāq (1996M), *Aḥāyib al-Thamar*, Miṣr: Jāmi'ah al-Azhar Dimiyāt, cet 1, hal. 9.

" وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُنُودُهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَاتَّهُوا وَأَتَقُوا  
اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ "

Maksudnya :

*Dan segala apa yang didatangkan oleh Rasul kepada kamu maka hendaklah kamu ambil dan yang dilarang hendaklah dihentikan. Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat keras hukumnya.*

*Sūrah al-Hasyr* (59) : 7.

Perkara-perkara yang tidak dapat diselami oleh fikiran manusia serta menimbulkan kesamaran dan masalah dalam memahami ayat al-Quran akan diterangkan dan dijelaskan maksudnya oleh hadith Nabi s.a.w., kerana itulah hadith mendapat kedudukan yang kedua terpenting selepas al-Quran<sup>3</sup>, sebagaimana firman Allah SWT:

" فَلَا وَرِبَّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكُمْ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا  
يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا "

Maksudnya :

*Maka demi tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman sehingga mereka jadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak berasa dalam hati mereka keberatan terhadap keputusan yang kamu berikan dan mereka menerima dengan sepenuhnya.*

*Sūrah al-Nisā' (4), 65.*

<sup>3</sup> Lihat Dr. Mahmûd Hilâl (1994M), *al-Diyâ' al-Mubîn fî Manâhij al-Muâhaddithîn*, Mişr: Maṭba'ah Amânah, cet. 1, hal. 14 dan 25.

Oleh itu, seluruh umat Islam mestilah menerima serta mengakui bahawa hadith merupakan sumber kedua di dalam perundangan Islam selepas al-Quran. Kemudian diikuti dengan sumber-sumber yang terbit daripada al-Quran dan *al-*Hadīth** seperti *al-ijmā'*, *al-qiyās*, *al-istihsān* dan *al-maṣāliḥ al-mursalah*. Segala penerangan dan hukum-hakam yang ada di dalam hadith hendaklah diikuti oleh umat Islam kerana ianya datang daripada Rasulullah s.a.w. yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada Baginda s.a.w.

Kegigihan dan keprihatinan yang dimainkan oleh para sahabat menyalin dan menyimpan apa-apa yang berkaitan dengan Rasulullah s.a.w. sama ada berbentuk perbuatan, perkataan, perlakuanNya kemudian disusun pula oleh ahli-ahli hadith terus menjamin ketulenannya. Dengan itu, kita dapat melihat dan mempelajari hadith-hadith tersebut dengan selamatnya<sup>4</sup>. Namun begitu terdapat juga sebilangan masyarakat kita hari ini tidak prihatin dengan menggunakan hadith-hadith yang tidak menyatakan darjatnya sama ada boleh dijadikan sandaran atau sebaliknya, termasuklah yang digunakan oleh penulis terkenal. Hal ini amatlah penting untuk kita memberi perhatian dengan sewajarnya. Oleh sebab itu penulis memilih kitab ini, iaitu kitab *al-Durr al-Thamīn* yang dikarang oleh Syeikh Daud al-Faṭāñī sebagai sampel kajian penulis. Kitab ini ditulis sekitar tahun 1232 Hijrah di Mekah<sup>5</sup>.

<sup>4</sup> Lihat Maḥrūs Rīdwān ‘Abd al-‘Azīz (1992M), *Dirāsāt fī Manāhiy al-*Hadīth**, Miṣr : Maṭba‘ah Fajar Jadid, cet. 1, hal. 24.

<sup>5</sup> Lihat Syeikh Daud al-Faṭāñī (t.t), *al-Durr al-Thamīn*, Pulau Pinang : Percetakan al-Mu‘ārif, hal. 2 dan 103.

## **1.1 Latar Belakang Masalah.**

Hadith merupakan sumber kedua yang mempunyai autoriti selepas al-Quran dalam menentukan hala tuju dan corak kehidupan umat Islam. Sebagaimana diakui oleh para ulama, hadith adalah medium penjelasan kepada al-Quran<sup>6</sup>. Justeru itu, dalam usaha memenuhi tuntutan al-Quran, maka pengetahuan tentang hadith perlu diperkemaskan. Penghayatan kepada tuntutan dan saranan yang disebutkan dalam hadith-hadith Rasulullah s.a.w. perlu diketengahkan dalam kehidupan masyarakat kita hari ini, terutamanya dalam masalah akidah atau asas agama. Pengajian hadith secara lebih berkesan perlu dipersiapkan agar umat Islam mampu pertahankan serta menjaga akidah mereka secara amnya dan hadith khususnya. Akidah mahupun hadith adalah suatu perkara yang perlu dipertahankan daripada sebarang penyelewengan dan kegiatan jahat musuh-musuh Islam. Kini musuh-musuh Islam mencipta pelbagai surah yang didakwa sebahagian daripada al-Quran, maka tidak mustahil satu hari kelak mereka akan berusaha mencipta hadith-hadith dan hujah-hujah yang boleh menyeleweng, menggugat akidah umat Islam dan autoriti pengajian serta kedudukan hadith.

Pengajian hadith semestinya berjalan seiring dengan perkembangan dan pengajian al-Quran atau tafsir. Kedua-dua bidang ini perlu diserasikan agar kefahaman bersepada akan membawa hasil yang lebih mantap sebagai satu benteng untuk menangani segala permasalahan yang bersangkutan dengan hadith ini.

---

<sup>6</sup> Lihat Dr. Muṣṭafā al-Sibā'i (1998M), *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrī‘ al-Islāmī*, Qāhirah: Dār al-Salām, cet 1, hal. 343 dan 344.

Metodologi pengajian hadith perlu menekankan aspek-aspek penting yang berkaitan dengan ilmu mustalah hadith itu sendiri dengan diterjemahkan secara langsung semasa berinteraksi dengan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Dengan kata lain sumber-sumber asal yang berautoriti perlu dijadikan asas utama dalam proses mengharmonikan antara hadith *dirāyah* dan hadith *riwāyah*. Inilah merupakan benteng terkuat dalam mendepani cabaran bidang ilmu yang semakin meluas dan kita dapat rasakan semakin tergugat keaslian pengajian hadith.

Justeru, melihat kepada keadaan ini penulis cuba mengemukakan satu cadangan disertasi sarjana untuk mengkaji hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *al-Durr al-Thamīn* dalam rangka usaha mempopularkan lagi pengajian hadith, terutamanya di Nusantara ini.

## **1.2 Pengenalan Tajuk.**

Penulis akan menjelaskan maksud kajian ini secara terperinci, agar gambaran yang jelas terhadapnya dapat dihasilkan. Tajuk tersebut ialah:

“ HADITH DALAM KITAB *AL-DURR AL-THAMĪN* KARANGAN SYEIKH  
DAUD AL-FATĀNĪ : *TAKHRIJ* DAN ANALISIS ”

Perkataan “*Hadith*” berasal dari perkataan *hadatha* (حدث) yang bererti

bercakap atau perkhabaran, dan kata jamaknya ialah *ahādīth* (أحاديث). Dari pandangan bahasa *al-Hadīth* bererti baru iaitu lawan kepada lama (*qadīm*), atau perkhabaran sama ada perkhabaran itu sedikit ataupun banyak<sup>7</sup>, sebagaimana firman Allah SWT:

”فَلَمَّا تَوَافَّرُوا بِحَدِيثٍ مُّثْلِهِ إِنْ كَانُوا صَادِقِينَ“

Maksudnya:

*Maka hendaklah mereka mendatangkan satu khabar (Hadith) yang sepertinya (al-Quran) Jikalau mereka orang-orang yang benar.*

*Sūrah al-Tūr ( 52 ): 34.*

Menurut Kamus Dewan, maksud hadith dari sudut istilah ialah sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabatnya untuk menjelaskan atau menentukan sesuatu hukum Islam<sup>8</sup>.

Ibn Hajar al-‘Asqalānī pula menyatakan hadith ialah sama maksudnya dengan sunah iaitu sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. daripada perbuatan, perkataan, pengakuan dan perkara-perkara yang diazamkan

<sup>7</sup> Lihat Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *op.cit.*, hal. 61.

<sup>8</sup> Lihat Dr. Teuku Iskandar (2002M), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Edisi Ketiga cet. keenem, hal. 426.

untuk melakukannya<sup>9</sup>. Takrif yang diberikan oleh Ibn Ḥajar ini adalah menyeluruh dan mencakupi semua perkara yang datang daripada Nabi Muhammad s.a.w.

Para *muhaddithin* yang terkemudian telah memberi istilah yang lengkap untuk menjelaskan maksud hadith, antaranya ialah :

- 1) Doktor ‘Abd al-Muhdi ‘Abd al-Qādir ‘Abd al-Hādi’.

Beliau telah mendefinisikan hadith sebagai perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. daripada perkataan, perbuatan, perakuan (*Taqrīr*), sifat kejadian atau akhlak dan perkara yang berkaitan dengan kenabianNya yang berlaku sebelum beliau diutuskan menjadi Nabi<sup>10</sup>.

- 2) Jamāl al-Dīn al-Qāsimī.

Beliau menyatakan *al-Hadīth* ditakrifkan sebagai sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. daripada perkataan, perbuatan, perakuan dan sifat-sifatNya<sup>11</sup>.

- 3) Nūr al-Dīn ‘Itr.

Beliau menjelaskan takrif yang terpilih (*al-Mukhtār*) di kalangan ahli Hadith, iaitu perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. daripada

<sup>9</sup> Lihat ‘Abd al-Muhdi ‘Abd al-Qādir ‘Abd al-Hādi’ (1998M), *al-Madkhāl ilā al-Sunnah al-Nabawiyyah*, Qāhirah : Dār al-I’tiṣām, hal. 24, cet. 1.

<sup>10</sup> *Ibid.*, hal. 22.

<sup>11</sup> Lihat Muhammed Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *op.cit.*, hal 61.

perkataan, perbuatan, perakuan atau sifat-sifatnya sama ada sifat kejadian atau akhlak, juga apa-apa yang disandarkan kepada sahabat atau tabiin<sup>12</sup>.

Oleh itu berdasarkan istilah di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa takrif *al-Hadīth* pada pandangan ahli-ahli Hadith ialah sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. sama ada dari segi perkataan, perbuatan, perakuan (*Taqrīr*) atau sifat sama ada sifat kejadian atau akhlak. Hadith juga pada pandangan setengah ahli Hadith termasuk apa yang disandarkan kepada sahabat dan tabiin.

“ *Kitab al-Durr al-Thamīn* ” adalah sebuah kitab karangan Syeikh Daud al-Faṭāñī yang membicarakan mengenai ilmu tauhid (akidah) berlandaskan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diasaskan oleh Abū Ḥasan al-Asy‘arī. Kitab ini selesai di karang pada waktu Zohor, hari Sabtu, 17 Syawal 1232 Hijrah, di Mekah<sup>13</sup>.

Sementara perkataan “ *Syeikh* ” menurut Kamus Dewan merupakan gelaran atau sebutan yang diberikan kepada seorang yang alim<sup>14</sup>.

“ *Daud al-Faṭāñī* ” nama pengarang kitab yang menjadi bahan kajian penulis. Nama lengkapnya ialah Wan Daud bin Wan Abdullah, merupakan ulama

<sup>12</sup> Lihat Nūr al-Dīn ‘Itr ,*op.cit.*, hal. 27. Perkataan tabiin adalah kata jamak bagi tabi yang bererti pengikut, menurut ilmu Hadith, mereka ialah orang yang bertemu dan berguru dengan para sahabat tetapi tidak bertemu dengan Rasulullah. Lihat Dr. Teuku Iskandar, *op.cit.*, hal. 1337.

<sup>13</sup> Perbincangan mengenai Kitab *al-Durr al-Thamīn* ini akan diditelkan dalam bab tiga di bawah tajuk : Latar Belakang Kitab Kajian.

<sup>14</sup> Dr. Teuku Iskandar (2002M), *op.cit.*, hal. 1334.

dunia Melayu yang paling banyak menghasilkan karangan dalam bahasa Melayu, sekaligus yang paling besar pengaruhnya di seluruh dunia Melayu dengan jarak waktu yang relatif paling lama karangan-karangannya masih tetap diajar<sup>15</sup>.

“ *Al-Faṭāñī* ” nama wilayah yang terletak di selatan Thailand, yang mana suatu ketika dahulu pernah diperintah oleh Raja Melayu. Dimaksudkan dengan al-Faṭāñī di sini ialah gelaran pengarang yang dinisbahkan kepada tempat asanya. Ini menjadi kebiasaan kepada pengarang sesebuah kitab menulis nama tempat kelahiran diujung namanya<sup>16</sup>.

Perkataan “ *Takhrij* ” jika dirujuk kepada pemakaian para *muḥaddithīn* dapat dirumuskan kepada pengertian berikut :

1. Periwayatan hadith oleh para ahli hadith (*muḥaddithīn*).
2. Merujuk hadith kepada sumbernya serta dijelaskan nilai hadith dari aspek kekuatan atau kelemahannya jika perlu<sup>17</sup>.

Perkataan “ *Analisis* ” iaitu ulasan yang memberi erti huraihan berkaitan sesuatu, komentar, kupasan, tafsiran dan seumpamanya, seperti “ ulasan buku ” bermaksud kupasan isi sesebuah buku (oleh pengkritik buku)<sup>18</sup>.

<sup>15</sup> Lihat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (2001M), “*Ulama-ulama Patani : Satu Paparan Mengenai Ketokohan Dan Karya Mereka*”, Kertas Kerja, Thailand : Kolej Pengajian Islam Prince Of Songkla University Kampus Patani.

<sup>16</sup> *Ibid*, hal. 1 dan 2.

<sup>17</sup> Akan dipanjangkan perbincangannya dalam bab dua nanti.

<sup>18</sup> Lihat Dr. Teuku Iskandar, *op.cit.*, hal. 1513.

### **1.3 Kepentingan Kajian.**

Melalui kajian ini, penulis mengharapkan beberapa masalah yang berkaitan dengan pengajian hadith seperti kedudukan hadith di dalam kitab-kitab lama dapat difahami dan seterusnya dimajukan dengan lebih mantap. Aspek-aspek yang berkaitan dengan kepentingan *tahqiq* dan *takhrij* perlu ditekankan supaya pengambilan hadith untuk tujuan pengajian dan penyelidikan adalah terkawal dan daripada sumber yang asal. Proses ini mampu melahirkan individu yang boleh berinteraksi secara berkesan dengan ilmu-ilmu hadith serta berkeupayaan menghayati tuntutan hadith dalam kehidupan seharian.

Di samping itu juga, kajian ini perlu sebagai pendedahan kepada masyarakat yang masih belum mengetahui tentang kaedah-kaedah periyawatan dan kedudukan sesuatu hadith, agar mereka dapat membezakan di antara hadith *sahih*, *hasan*, *da'if* atau *mawdu'*. Secara umumnya apabila kita mengetahui martabat hadith-hadith tersebut maka kita dapat menilai sama ada kitab itu baik dan boleh digunakan untuk tujuan pembelajaran atau sebaliknya.

### **1.4 Objektif Kajian.**

Penulis memilih kitab ini sebagai bahan kajian adalah disebabkan keinginan untuk menerang dan menjelaskan hadith-hadith yang terdapat di dalamnya. Sebagaimana yang kita ketahui fungsi hadith ialah sebagai sumber hukum yang kedua selepas al-Quran dan ia juga digunakan sebagai dalil bagi sesuatu hukum

dan pendapat<sup>19</sup>. Penulis ingin mendapat kepastian dan ketepatan berhubung dengan hadith-hadith yang digunakan dan kedudukan kitab tersebut. Di samping itu, memberi penjelasan dan mengklasifikasikan hadith-hadith yang digunakan dalam kitab tersebut sama ada ia benar-benar datangnya daripada Rasulullah s.a.w. dan boleh dikategorikan sebagai hadith *sahih*, *hasan*, *da'if* atau sebagainya.

Antara objektif kajian ini ialah :

1. Penulisan ini berusaha meninjau kesyumulan dan keindahan pengajian hadith yang menjadi elemen terpenting dalam usaha memahami kehendak sebenar al-Quran.
2. Tulisan ini juga akan mengkaji hadith-hadith yang terdapat dalam kitab kajian secara lebih komprehensif supaya mendapat maklumat yang tepat berkenaan dengan kedudukan hadith.
3. Memanifestasikan hadith-hadith akidah yang terdapat dalam kitab kajian kepada masyarakat umum yang sememangnya mempunyai kepentingan, manfaat, iktibar serta panduan tertentu.
4. Mempopularkan metodologi pengajian hadith dan *takhrij* yang tidak dinafikan kepentingannya. Justeru, secara langsung masalah penyelewengan hadith dapat diselesaikan dengan adanya bukti-bukti yang tepat dan jelas.

<sup>17</sup> Dr. Fauzi Deraman (2001M), " Ilmu *Takhrij al-Hadith* : Pengertian, Sejarah Dan Kepentingannya ", *Jurnal Usuluddin*, Bahagian Pengajian Usuluddin API, UM, bil. 14, Disember 2001, hal. 63.

5. Menambahkan lagi koleksi kajian ilmiah sebagai satu bahan yang boleh memberikan faedah kepada generasi akan datang dan kepada sesiapa yang membacanya.
6. Menyedarkan masyarakat agar dapat memberi perhatian kepada pengajian hadith dan ulumnya.
7. Hasil kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan umum kerana di dalamnya terkandung maklumat-maklumat yang komplit berkenan hadith khususnya hadith yang terdapat dalam kitab kajian.

## **1.5 Skop Kajian.**

Dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini, penulis akan cuba membataskan skop kajian supaya ia dapat mencapai tujuan.

**Skop kajian penulis adalah seperti berikut:**

1. Kajian ini akan memfokuskan kepada pengenalan pengarang, kitab kajian dan hadith-hadith yang terdapat dalam kitab ini sahaja (*al-Durr al-Thamīn*), iaitu dengan cara mengeluarkan matan hadith tersebut kemudian mentakhrijkannya menerusi kitab hadith yang asal.
2. Mengalih bahasa matan hadith yang berbahasa Melayu ke dalam bahasa Arab. Kemudian mentakhrijkan hadith yang telah dialih bahasa ke dalam bahasa Arab tersebut.

- Setelah mengetahui sumber asal satu-satu hadith, penulis akan mengklasifikasikan hadith-hadith itu sama ada ianya *sahīh*, *hasan*, *da'if* atau sebagainya dengan cara menganalisa hadith tersebut, terutama sanadnya berdasarkan maklumat yang di dapati dalam kitab-kitab hadith.

## **1.6 Masalah Kajian.**

Penulis dapat merumuskan persoalan yang akan dibicarakan dalam penulisan ini adalah seperti berikut :

- Sejauh manakah peri pentingnya hadith sebagai sumber rujukan yang kedua dalam Islam.
- Apakah pendekatan-pendekatan dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh golongan *muḥaddithīn* dalam menentukan martabat hadith .
- Apakah metodologi yang digunakan oleh ulama Melayu Khususnya Syeikh Daud dalam tulisannya berkaitan hadith tumpuan kepada kitab *al-Durr al-Thamīn*.
- Gambaran sejauh manakah keperihatinan ulama Melayu silam di Nusantara khususnya Syeikh Daud terhadap hadith dan ulumnya.

5. Memandangkan kitab ini di antara kitab yang popular dikalangan masyarakat sebagai rujukan dalam masalah akidah, penulis rasa terpanggil untuk mengkaji dalil-dalil yang terdapat di dalamnya dengan lebih komprehensif.

Berdasarkan kepada persoalan-persoalan tersebut, satu kajian ilmiah perlu dilakukan bagi mencari alternatif yang dapat membantu institusi hadith terus subur dalam masyarakat. Dalam konteks ini, penulis melihat bahawa ilmu *takhrij* hadith yang berdasarkan kepada kaedah-kaedah yang betul perlu diketengahkan dan diperluaskan kepada masyarakat Islam. Ini kerana kaedah-kaedah tersebut amat penting bagi mengenal pasti martabat hadith kerana ia memberi kesan kepada tasyri' Islam.

## **1.7 Kajian Terdahulu.**

Selepas dikaji dan diteliti, buat masa ini penulis belum temui karya atau kajian ilmiah berkenaan *takhrij* hadith-hadith yang terkandung dalam kitab *al-Durr al-Thamīn* karangan Syeikh Daud al-Fatāñi. Dengan ini, penulis cuba mengetengahkan tajuk-tajuk kajian terdahulu yang hampir sama atau yang ada kaitan secara tidak langsung dengan kajian ini.

Antara tajuk kajian yang hampir sama dengan tajuk kajian penulis ialah *takhrij* hadith daripada kitab jawi lama, walaupun ianya daripada kitab yang

berlainan tetapi bentuk kajian adalah sama iaitu *takhrij* hadith daripada kitab jawi lama yang dikarang oleh ulama Nusantara. Antaranya ialah:

1. Ahmad Hilmii Ahmad Zohdi, “ Sumbangan Syeikh Ahmad Samad al-Falimbāni Terhadap Pengajian Tasawuf : *Takhrij* Dan Ulasan Hadith-hadith Dalam Bab 4 Kitab *Hidāyah al-Sālikin* ”<sup>20</sup>.
2. Hanizan Harun @ Wahab, “ Hadith-hadith Dalam *Tanbih al-Għafilin*, Bāb al-Għibbah : *Takhrij* Dan Ulasan ”<sup>21</sup>.
3. Kamarudin Ali, “ Hadith-hadith Di Dalam Kitab *al-Durr al-Nafis* : *Takhrij* Dan Ulasan ”<sup>22</sup>.

Di samping itu, terdapat juga kajian yang berbentuk disertasi dan buku yang diterbitkan berkenaan peribadi Syeikh Daud al-Faṭāni dan sumbangannya. Selain daripada kitab *al-Durr al-Thamīn*, terdapat juga kajian-kajian lain tentang (*takhrij*) hadith-hadith karangan Syeikh Daud, antaranya ialah:

1. Mohd. Yusnaldi Md. Sabri, “ Hadith-hadith Di Dalam Kitab *Bughyah al-Tullāb*, Bāb al-Solat : *Takhrij* Dan Ulasan ”<sup>23</sup>.

<sup>20</sup> Lihat Ahmad Hilmii Ahmad Zohdi (2002M), “*Sumbangan Syeikh Samad al-Falimbāni Terhadap Pengajian Tasawuf : Takhrij Dan Ulasan Hadith-hadith Dalam Bab 4 Kitab Hidāyah al-Sālikin*”, (Latihan Ilmiah Sarjana Muda (B.A.), Jabatan al-Quran dan al-Hadith, API, UM).

<sup>21</sup> Lihat Hanizan Harun @ Wahab (1998M), “*Hadith-hadith Dalam Tanbih al-Għafilin, Bāb al-Għibbah : Takhrij Dan Ulasan*”, (Latihan Ilmiah Sarjana Muda (B.A.), Jabatan al-Quran dan al-Hadith, API, UM).

<sup>22</sup> Lihat Kamarudin Ali (1998M), “*Hadith-hadith Di Dalam Kitab al-Durr al-Nafis : Takhrij Dan Ulasan*”, (Latihan Ilmiah Sarjana Muda (B.A.). Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, API, UM).

<sup>23</sup> Lihat Mohd. Yusnaldi Md. Sabri (1998M), “*Hadith-hadith Di Dalam Kitab Bughyah al-Tullāb, Bāb Solat : Takhrij Dan Ulasan*”, (Latihan Ilmiah Sarjana Muda (B.A.), Jabatan al-Quran dan al-Hadith, API, UM).

- Asidawati Che Hamad, " Hadith-hadith Dalam Kitab *Nahj al-Rāghibīn wa Sabīl al-Muttaqīn* Oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭāñī : *Takhrij Dan Ulasan*"<sup>24</sup>.

Selepas diteliti daripada maklumat yang diperolehi, bolehlah disimpulkan bahawa kajian yang berkaitan dengan kitab lama (klasik) khususnya dalam bidang *takhrij* hadith adalah berkurangan berbanding dengan kajian mengenai isu-isu kontemporari masa kini.

## 1.8 Metodologi Penyelidikan.

Dalam sesuatu penyelidikan ilmiah, metodologi adalah merupakan suatu perkara yang penting kerana ia merupakan satu tatacara untuk memahami objektif yang menjadi subjek penyelidikan.

Metodologi berasal daripada perkataan Yunani yang menggabungkan dua perkataan iaitu metodos dan logos. Metodos bermaksud cara dan logos pula bererti ilmu tentang cara<sup>25</sup>. Cantuman dua perkataan ini membawa erti "suatu ilmu tentang cara sesuatu penelitian"<sup>26</sup> atau suatu ilmu yang digunakan untuk

<sup>24</sup> Lihat Asidawati Che Hamad :(2000M), "Hadith-hadith Dalam Kitab *Nahj al-Rāghibīn wa Sabīl al-Muttaqīn* Oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭāñī : *Takhrij Dan Ulasan*", (Latihan Ilmiah Sarjana Muda (B.A.), Jabatan al-Quran dan al-Hadith, API, UM).

<sup>25</sup> Lihat Imam Bernadib (1982M), *Erti dan Metod Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta : Penerbitan FIP- IKIP, hal. 5.

<sup>26</sup> Lihat Koentjaraningrat (1986M), *Metod-metod Penelitian Masyarakat*, Jakarta: PT Gramedia, hal. 16

mencari data yang diperlukan dalam suatu penyelidikan bagi mendapatkan fakta untuk membuat kesimpulan.

Menurut Mark Boyer, metodologi ialah :

*“The system of principle and procedures applied to a science or discipline”*<sup>27</sup>

Penggunaan metod yang baik dan sesuai bukan sahaja menambahkan kualiti sesuatu penulisan malah memudahkan pembaca memahami penulisan tersebut.

Dalam masa untuk menyiapkan kajian ilmiah ini, penulis akan menggunakan beberapa kaedah atau metod utama berasaskan teori metodologi penyelidikan yang dipelajari untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan bersesuaian dengan kajian penulis, iaitu :

1. Metod Penentuan Subjek
2. Metod Pengumpulan Data dan Maklumat
3. Kaedah Analisa Data

#### **1.8.1 Metod Penentuan Subjek.**

Dalam menentukan subjek kajian, penulis akan menumpukan kepada aspek pengajaran hadith sebagai sumber kedua yang mempunyai

---

<sup>27</sup> Mark Boyer (1986M), *The American Heritage Dictionary*, New York : Dell Publishing co. Inc, eidsi baru, hal 431.

autoriti selepas al-Quran dengan mengkhususkan kepada *takhrij* hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *al-Durr al-Thamīn* dan menganalisa hadith-hadith tersebut dengan merujuk kepada kitab-kitab hadith yang muktabar.

### **1.8.2 Metod Pengumpulan Data dan Maklumat.**

Kaedah pengumpulan data yang akan digunakan dalam menjayakan kajian ini ialah melalui dimensi kajian Lapangan dan Perpustakaan. Pengkajian adalah bererti usaha-usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan penafsiran terhadap data-data yang terkumpul<sup>28</sup>. Kedua-dua usaha tersebut begitu penting dalam sesuatu penulisan ilmiah. Melalui penyelidikan perpustakaan, penulis akan menggunakan beberapa buah perpustakaan dalam mengumpulkan data dan maklumat, antaranya :

- 1) Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- 2) Perpustakaan Awam Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- 3) Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya.
- 4) Perpustakaan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.
- 5) Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

---

<sup>28</sup> Lihat Abdul Halim Hj. Mat Diah (1986M), *Falsafah Pendidikan Islam Di Institut Pengajian Tinggi Malaysia*, Yogyakarta: IAIN, hal. 11.

- 6) Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur.
- 7) Perpustakaan Utama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, Selangor.
- 8) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

Dalam proses pengumpulan data ini, penulis akan mengemukakan beberapa bentuk metod yang dapat memberi maklumat yang tepat dan bersesuaian untuk digunakan dalam kajian ini, antaranya ialah:

### **1. Metod Historis.**

Metod historis adalah bererti sesuatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian<sup>29</sup>. Penggunaan metod ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data-data yang mempunyai nilai sejarah. Dalam pengumpulan data yang bersifat historis ini, penulis akan menggunakan dokumen-dokumen yang berhubung rapat dengan masalah kajian sama ada daripada buku-buku, majalah dan juga melalui kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik sebelum ini.

---

<sup>29</sup> Lihat Imam Bernadib, *op.cit.*, hal 502.

## **2. Metod Dokumentasi.**

Metod dokumentasi<sup>30</sup> ialah suatu proses mendapatkan data dengan mengkaji dokumen-dokumen yang berhubung kait dengan masalah yang dikaji. Dokumen pula bermaksud bahan bertulis yang dapat memberikan pelbagai maklumat<sup>31</sup> yang terdiri daripada kumpulan hukum-hakam, peratusan keputusan pengadilan, potret, gambar dan sebagainya. Antara lain termasuk dalam dokumen ialah autobiografi, surat-surat peribadi, buku atau catatan harian, memori, surat khabar dan cerita rakyat<sup>32</sup>.

Melalui bahan ini penulis akan dapat mengolah dan menyusun segala maklumat yang diperolehi untuk menghasilkan satu kajian yang baik dan bermutu. Dalam metod ini juga, penulis akan menggunakan petikan-petikan daripada al-Quran dan *al-Hadīth* bagi mengukuhkan lagi setiap pendapat yang diutarakan. Kedua-duanya tergolong sebagai dokumen kerana sifatnya sebagai sumber yang bertulis dan terjamin keasliannya.<sup>33</sup>

Walaupun metod dokumentasi ini hampir sama dengan metod historis dari sudut pengkajian dokumen-dokumen tertentu, namun terdapat perbezaan di antara keduanya di mana metod dokumentasi tidak

<sup>30</sup> Menurut Kamus Dewan, dokumentasi ialah himpunan atau kumpulan bahan atau dokumen yang dapat digunakan sebagai asas bagi sesuatu kajian, penghasilan sesuatu terbitan, dan lain-lain. Lihat Teuku Iskandar, *op.cit.*, hal. 312.

<sup>31</sup> Lihat Imam Bernadib, *op.cit.*, hal. 55.

<sup>32</sup> Lihat Koentjaraningrat, *op.cit.*, hal. 65.

<sup>33</sup> Lihat Abdul Halim Hj. Mat Diah, *op.cit.*, hal. 116.

mempunyai nilai sejarah sedangkan metod historis mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri.

### **3. Metod Observasi.**

Selain daripada dua metod di atas, penulis juga menggunakan metod observasi di dalam pengumpulan data-data dan fakta-fakta. Termasuk dalam metod ini ialah pengalaman seseorang penyelidik yang dialaminya secara langsung dalam masalah-masalah yang ada hubungan dengan objektif penyelidik.

Penulis menggunakan metod ini bagi mendapatkan data-data tambahan. Perbincangan dengan beberapa tokoh agama yang pakar dalam bidang yang berkaitan diadakan bagi memperkemaskan penulisan.

### **4. Metod Wawancara.**

Metod wawancara bermaksud cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada seseorang responden dengan bercakap secara bersemuka dengannya<sup>34</sup>.

---

<sup>34</sup> Lihat Koentjaraningrat, *op.cit*, hal. 73.

Beberapa siri temubual akan dilakukan ke atas beberapa informan. Tujuan temubual adalah untuk mendapatkan maklumat, pendapat serta pandangan berhubung dengan bidang kajian penulis. Pandangan ini penting supaya penulisan dapat diperakui ketulusannya.

### **1.8.3 Kaedah Analisis Data.**

Setelah semua maklumat terkumpul, proses menganalisa data akan dilakukan berdasarkan maklumat yang ada. Untuk itu, penulis akan menggunakan metod *analitif*, *diskriptif* dan *kualitatif*.

Penggunaan metod ini secara nyata adalah melalui metod-metod berikut:

1. Metod Induktif .
2. Metod Deduktif.
3. Metod komparatif.

#### **1. Metod Induktif.**

Metod ini adalah suatu cara membuat kesimpulan atau menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian daripada dalil-dalil yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan atau dalil-dalil yang

bersifat umum<sup>35</sup>. Penulis menggunakan metod ini bagi menerangkan kesimpulan di dalam bab 5.

Dengan itu, metod ini digunakan untuk mendapatkan kesimpulan-kesimpulan secara khusus berdasarkan kepada setiap masalah yang menjadi objektif kajian dan barulah dibuat kesimpulan umum.

## 2. Metod Deduktif.

Di samping menggunakan metod induktif, penulis juga menggunakan metod deduktif dalam penganalisaan data. Metod deduktif bererti cara menganalisa dan melakukan kajian berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berasaskan kepada dalil-dalil terhadap hal-hal yang khusus<sup>36</sup>.

Penulis menggunakan kaedah penganalisaan data ini sebagai metod bagi menghuraikan suatu permasalahan dan membuat kesimpulan serta rumusan terperinci dengan mengemukakan data yang lengkap dan lebih khusus.

Metod ini digunakan dalam bahagian:

1. Latar belakang masalah dan kenyataan yang berkaitan dengan tajuk dalam bab 1, 2 dan 3.

---

<sup>35</sup>Lihat Imam Bernadib, *op.cit.*, hal. 52.

<sup>36</sup>*Ibid.*

2. Pengkajian dan penganalisaan terhadap hadith-hadith dalam kitab *al-Durr al-Thamīn* dalam bab 4.
3. Kesimpulan dalam bab 5.

### **3. Metod Komparatif**

Metod komparatif bererti cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi dalam penyelidikan<sup>37</sup>.

Menerusi metod ini penulis akan membuat kesimpulan dengan cara melakukan perbandingan terhadap segala fakta dan data yang diperolehi. Ianya akan mendatangkan manfaat kepada penulis terutamanya dalam menentukan kedudukan satu-satu hadith sama ada *sahīh*, *ḥasan*, *da’īf* atau sebagainya. Ianya akan digunakan dalam bab 4.

## **1.9 Sistematika Penulisan.**

Disertasi ini yang bertajuk Hadith Dalam Kitab *al-Durr al-Thamīn* Karangan Syeikh Daud al-Faṭāñī : *Takhrīj* Dan Analisis merupakan satu kajian mengenai *takhrīj* hadith yang terdapat dalam kitab *al-Durr al-Thamīn* hasil karya Syeikh

<sup>37</sup> Lihat Abdul Halim Hj. Mat Diah (1987M), “*Suatu Contoh Tentang Huriaian Metodologi*”, Kertas Kerja, Kuala Lumpur, Fakulti Usuluddin API, UM, hal. 136.

Daud al-Faṭānī. Kajian ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan tentang kaedah-kaedah periwayatan hadith dan kedudukan sesuatu hadith yang mempunyai perbezaan dari segi martabatnya.

Dalam kajian ilmiah ini, penulis membahagikannya kepada 5 bab. Dalam bab pertama, penulis cuba meninjau tentang latar belakang masalah dan kepentingan kajian iaitu khusus kepada kepentingan *taḥqīq* dan *takhrij* dan diselitkan dengan sedikit maklumat berkaitan kajian terdahulu yang ada kaitan dengan tajuk penulis. Penulis juga menghuraikan tujuan dan objektif kajian, perumusan masalah, metodologi penyelidikan, skop kajian dan sistematika penulisan.

Dalam bab kedua iaitu landasan teori, penulis telah menghuraikan tentang riwayat hidup Syeikh Daud al-Faṭānī dan dipaparkan juga pengenalan kitab *al-Durr al-Thamīn*. Akhir sekali, penulis menghuraikan sedikit mengenai kemasukan dan perkembangan penulisan ilmu-ilmu Islam di Nusantara.

Dalam bab ketiga pula, penulis memberikan pendedahan mengenai pengenalan hadith termasuk takrif hadith, pembahagian hadith dan fungsi-fungsi hadith serta penumpuan terhadap kaedah-kaedah *takhrij* iaitu cara-cara mentakhrij hadith sama ada melalui pangkal hadith, lafaz hadith, perawi *a'lā*, tajuk hadith dan melalui sifat hadith.

Manakala dalam bab keempat pula, penulis akan mengutarakan hadith-hadith yang terkandung di dalam kitab *al-Durr al-Thamīn* serta mentakhrijkan hadith-hadithnya mengikut kitab-kitab hadith yang masyhur.

Penulis juga mengemukakan analisa kaji selidik dan perbincangan tentang hadith yang terdapat dalam kitab *al-Durr al-Thamīn*. Jadi jelasnya penulis akan mengulas hadith-hadith tersebut semampu yang mungkin dengan menjelaskan sanad dan matannya yang terdapat dalam mana-mana kitab asalnya. Di samping itu juga, penulis akan menjelaskan darjat hadith-hadith mengikut maklumat yang diperolehi sama ada ianya *sahīh*, *hasan*, *da’if* atau sebagainya.

Bab kelima adalah penutup, ia akan dijelaskan berkenaan dengan rumusan keseluruhan kajian yang telah dilakukan oleh penulis. Tidak lupa juga penulis akan memberi sedikit saranan sebagai panduan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk mengkaji kitab ini atau kitab-kitab seumpamanya.

## **1.10 Kesimpulan.**

Sebagai kesimpulannya, dalam bab ini penulis telah memaparkan secara terperinci terhadap kajian yang meliputi tujuan dan objektif kajian, kepentingan serta skop kajian. Di samping itu penulis juga telah membentangkan beberapa pilihan metod yang sesuai digunakan bagi kajian penulis dalam usaha untuk menjadikan hasil penyelidikan dan kajian ini lebih bermutu dan dapat diterima umum.

Penulis telah muatkan pengenalan secara ringkas tentang kitab yang menjadi bahan kajian utama sebagai maklumat awal kepada pembaca mengetahui kitab tersebut. Apa yang menarik tentang bidang kajian ini ialah menjelaskan

# *BAB PERTAMA*

=====

## *PENDAHULUAN*